

**TALKING POINTS  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN EKSKOM DAN HARI  
KOPERASI NEGARA 2022**

**30 JULAI 2022 (SABTU)**  
**10.30 PAGI**  
**PENTAS UTAMA, MIECC**  
**SERI KEMBANGAN, SELANGOR**

---

•  
Bismillahirrahmaanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan  
Salam Keluarga Koperasi

[SALUTASI TERKINI DAN PENUH  
DISEDIAKAN URUSETIA DAN AKAN  
DILETAKKAN DI ATAS ROSTRUM]

Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati  
sekalian.

---

1. Alhamdulillah saya mengucapkan syukur ke hadrat ALLAH S.W.T., kerana Ekspo Koperasi Malaysia dan Hari Koperasi Negara 2022, berjaya dilaksanakan dengan jayanya.

2. Saya mengambil kesempatan ini, mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Tan Sri Noh Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi; Yang Berhormat Datuk Muslimin Yahya, Timbalan Pembangunan Usahawan dan Koperasi; Yang Berbahagia Dato' Suriani

Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan dan koperasi, dif-dif jemputan, para pempamer, koperator-koperator serta tuan-tuan, puan-puan ke majlis ini dan Ekspo Koperasi Malaysia (EKSKOM).

3. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas penyertaan pempamer-pempamer koperasi, agensi-agensi kerajaan, rakan-rakan strategik ANGKASA, para pengunjung dan peserta-peserta program ke ekspo ini.

**Yang Berhormat Tan Sri, Dato'-Dato',  
Datin-Datin, Tuan-Tuan, Puan-Puan yang  
dihormati sekalian**

4. ESKKOM dan Hari Koperasi Negara 2022 merupakan satu acara terbesar dalam sejarah gerakan koperasi Malaysia sempena sambutan



ulang tahun ke 100 gerakan koperasi di Malaysia.

5. Amat berbangga untuk saya umumkan, acara ini merupakan julung kalinya dikendalikan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan ANGKASA. Penghargaan tinggi saya kepada pihak

Suruhanjaya Koperasi Malaysia kerana memberi kepercayaan kepada ANGKASA untuk bekerjasama bagi menjayakan Hari Koperasi Negara 2022.

6. Penghargaan yang tidak terhingga juga kepada rakan-rakan koperasi dari Indonesia, Filipina, Thailand

dan Kemboja yang mengambil bahagian dalam ekspo ini.

7. Ini lah semangat aspirasi koperasi yang kita mahukan dan jayakan. Bergerak bersama-sama dalam memperkasakan pembangunan dan perniagaan gerakan koperasi Malaysia

selaras Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKom 2021 – 2025).

8. Saya mengharapkan program selama empat (4) hari ini, dapat memberi impak yang besar dalam merencanakan perniagaan dan menjana pendapatan gerakan koperasi

setelah melalui zaman pandemik Covid-19.

9. Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri KUSKOP, Tan Sri Noh Haji Omar; Yang Berhormat Timbalan Menteri KUSKOP, Datuk

Muslimin Yahya; Yang Berbahagia KSU KUSKOP, Dato' Suriani Dato' Ahmad; pihak SKM dan IKMa yang sentiasa memberi sokongan padu kepada ANGKASA dalam menjalankan program-program membangunkan gerakan koperasi di negara ini.

10. Ucapan tahniah juga kepada pihak penganjur atas kejayaan menjayakan program ini. Saya sekali lagi, merakamkan penghargaan dan terima kasih atas kepercayaan yang diberi oleh pihak SKM kepada ANGKASA.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

WASSALAMUALAIKUM  
WARAHMATULLAHWIWABARAKATUH.